

## BAYARAN

### Bayaran Laporan Perubatan

(tertakluk bawah Akta Fi, Perintah Fi (Perubatan) (Kos perkhidmatan) 2014 dan Pindaan Perintah Fi (Perubatan) 2003 P.U (A) 359

Jenis Laporan	Warganegara (RM)	Bukan Warganegara (RM)
Laporan Perubatan Biasa	40	120
Laporan Perubatan Ringkas Pakar	80	240
Laporan Perubatan Pakar Terperinci*	200 - 1000	*400 - 2000

\*Bergantung kepada kerumitan menyediakan Laporan Perubatan Pakar Terperinci tersebut.

Permohonan lanjutan / tambahan bagi Laporan Perubatan yang telah disediakan oleh Pegawai Perubatan/ Pakar, bayarannya adalah mengikut jumlah permohonan yang dipohon atau berdasarkan kerumitan/kepakaran menyediakan laporan tersebut.

### Salinan Laporan Perubatan

Permohonan salinan Laporan Perubatan bagi tujuan yang sama dikenakan bayaran 50% dari caj bayaran asal.

**Waktu Operasi  
Kaunter Laporan Perubatan  
Jabatan Rekod Perubatan**

**Isnin – Khamis**  
7.45 pagi – 1.00 petang  
02.00 petang – 05.00 petang

**Jumaat**  
7.45 pagi – 12.15 t/hari  
2.45 petang – 5.00 petang

## SOALAN & JAWAPAN

### ✚ Berapakah bayaran untuk permohonan Insurans/ PERKESO/ KWSP?

Bayarannya ialah sebanyak RM40 (Warganegara). Permohonan untuk tujuan tuntutan termasuk di dalam permohonan Laporan Biasa.

### ✚ Saya ingin membuat tuntutan Insurans/ PERKESO/ KWSP?

Sediakan Borang Insurans/ PERKESO/ KWSP anda. Pihak kami tidak menyediakan sebarang borang tuntutan.

### ✚ Doktor/Jururawat meminta saya datang ke Jabatan Rekod Perubatan untuk mohon Laporan Perubatan, betulkah?

Betul. Semua permohonan Laporan Perubatan perlu melalui **Jabatan Rekod Perubatan**. Pihak kami akan menguruskan permohonan tersebut dan akan memaklumkan apabila ianya telah siap.

### ✚ Bolehkah saya mendapatkan salinan untuk Rekod Perubatan?

Tidak boleh. Rekod Perubatan adalah **SULIT**. Anda hanya dibenarkan memohon Laporan Perubatan sebagai ringkasan dari Rekod Perubatan anda.

### ✚ Saya telah menerima rawatan di 3 Jabatan Klinikal yang berbeza. Kenapa hanya 1 jabatan sahaja yang menyediakan laporan?


Anda perlu membuat 3 permohonan untuk mendapatkan Laporan Perubatan dari 3 Jabatan Klinikal tersebut. 1 permohonan hanya untuk 1 jabatan dan setiap permohonan dikenakan bayaran.

### ✚ Bolehkah saya memohon/mengambil Laporan Perubatan bagi pihak kawan saya?

Boleh, dengan syarat ada Surat Keizinan dari kawan anda yang jelas menyatakan nama anda sebagai wakil bagi pihak beliau.



## TATACARA PERMOHONAN LAPORAN PERUBATAN



### JABATAN REKOD PERUBATAN HOSPITAL SELAYANG

**Aras 3, Hospital Selayang,  
Lebuhraya Selayang-Kepong,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan.**

**No. Tel. Hospital: 03-61263333  
No. Tel. Kaunter LP: 03-61263061/3062/3063  
No. Faks Hospital: 03-61377097  
Website: <http://hselayang.moh.gov.my>  
Email: [unitlp@selayanghospital.gov.my](mailto:unitlp@selayanghospital.gov.my)**

## APA ITU LAPORAN PERUBATAN?

- Laporan Perubatan adalah satu bentuk maklumat bertulis mengenai sejarah, tahap kesihatan dan keadaan pesakit yang telah mendapatkan rawatan di Hospital dan hanya boleh disediakan oleh Pegawai Perubatan Jabatan Klinikal di mana pesakit menerima rawatan.
- Laporan ditulis berdasarkan maklumat yang terdapat di dalam Rekod Perubatan Pesakit (RPP).

## JENIS LAPORAN PERUBATAN

- 1) Laporan Perubatan Biasa.
- 2) Laporan Perubatan Ringkas Pakar.
- 3) Laporan Perubatan Pakar Terperinci.
- 4) Laporan Bedah Siasat (*Post Mortem*).
- 5) Borang Insurans/PERKESO(PKS 6)/KWSP
- 6) Borang Buruh 90 (Perakuan Perubatan Ordinan Pampasan Pekerja, 1952).
- 7) Permohonan Laporan dari Majikan/Polis/Tentera.

Sebarang permohonan Laporan Perubatan / Laporan Pendapat Kedua (*second opinion*) / Laporan Pembetulan / Laporan Penjelasan atau sebarang pertanyaan perlu dimajukan ke Jabatan Rekod Perubatan, Hospital Selayang.

**Permohonan Laporan Perubatan yang LENGKAP sahaja akan diproses dalam tempoh yang ditetapkan.**

Pastikan **BIL HOSPITAL ANDA** telah diselesaikan sebelum memohon Laporan Perubatan.

**Permohonan Laporan Perubatan yang lengkap akan disiapkan oleh Pegawai Perubatan yang berkenaan dalam tempoh 28 hari bekerja tidak termasuk Cuti Umum (Sabtu & Ahad) dan Cuti Am (*Public Holiday*) serta tidak termasuk Laporan Perubatan Pakar Terperinci, Laporan Bedah Siasat (*Post Mortem*) dan Laporan Penjelasan.**

## TATACARA PERMOHONAN LAPORAN PERUBATAN MELALUI POS/KAUNTER

1. **Permohonan Melalui Pos**  
Surat permohonan secara bertulis oleh pemohon (nyatakan tarikh rawatan). Rujuk **Kategori Pemohon : adakah ANDA** (bagi keperluan dokumen yang perlu disertakan bersama). Seterusnya rujuk no. 3 – 7.
2. **Permohonan Di Kaunter**  
Sila hadir di kaunter dan dapatkan Borang Permohonan atau layari laman web. Rujuk **Kategori Pemohon : adakah ANDA** (bagi keperluan dokumen yang perlu disertakan bersama). Seterusnya rujuk no. 3 – 7.
3. **BORANG** berkaitan perlu disertakan bersama/dibawa (Cth: Insurans, Buruh 90, PERKESO, BAT 117, OKU, KWSP, dll). **Sila dapatkan borang dari Agensi yang berkenaan.\*Bagi permohonan Insurans dan PERKESO, sila sertakan/ bawa salinan Sijil Cuti Sakit (MC) atau Surat Kerja Ringan (*Light Duty Letter*).**
4. **BAYARAN** dalam bentuk Cek / Kiriman Wang / Wang Pos hendaklah dialamatkan ke atas nama **Pengarah Hospital Selayang. (CEK PERSENDIRIAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN)**. Sila rujuk Jadual Bayaran di belakang.
5. **Surat Keizinan Asal** kepada wakil untuk mengambil/ menerima Laporan Perubatan yang telah siap sekiranya penerima bukan pesakit/pemohon yang telah diberi keizinan oleh pesakit.
6. Bagi kes kemalangan/kecederaan - salinan Laporan Polis perlu disertakan.
7. **Permohonan hendaklah dialamatkan kepada:**  
**Pengarah,  
Hospital Selayang,  
Lebuhraya Selayang-Kepong,  
68100 Batu Caves, Selangor.**

## KATEGORI PEMOHON: ADAKAH ANDA?

### A. PESAKIT (SENDIRI)

1. Salinan Kad Pengenalan/Pasport
2. Salinan Kad Rawatan Pesakit
3. Bayaran (mengikut jenis permohonan)
4. Borang berkaitan (Insurans,PERKESO,KWSP)
5. Salinan Laporan Polis
6. Salinan Sijil Cuti Sakit (*MC*)

### B. IBU BAPA (pesakit berumur 18 tahun kebawah)

1. Salinan Sijil Kelahiran
2. Salinan Kad Pengenalan ibu/bapa/penjaga
3. Salinan Kad Rawatan Pesakit
4. Bayaran (mengikut jenis permohonan)
5. Borang berkaitan (Insurans,PERKESO,KWSP)

### C. AGEN / WAKIL

1. **Surat Keizinan Asal** pesakit/waris (menyatakan nama agen/ wakil/pemohon)
2. Salinan Kad Pengenalan/Pasport pesakit/waris
3. Salinan Kad Pengenalan pemohon/agen/wakil
4. Salinan Kad Rawatan Pesakit
5. Salinan Sijil Kelahiran / Surat Beranak (**pesakit berumur 18 tahun kebawah**)
6. Bayaran (mengikut jenis permohonan)
7. Borang berkaitan (Insurans,PERKESO,KWSP)
8. Salinan Permit Kubur/Sijil Kematian jika pesakit meninggal dunia
9. Surat Keizinan dari kedutaan, jika pesakit warga asing yang tidak dapat dihubungi

### D. WARIS (suami, isteri, ibubapa, anak, adik beradik)

1. **Surat Keizinan Asal** pesakit/ waris terdekat (menyatakan nama pemohon/waris)
2. Salinan Kad Pengenalan pesakit
3. Salinan Kad Pengenalan pemohon/waris
4. Salinan Kad Rawatan Pesakit
5. Salinan Sijil Nikah/Kahwin
6. Salinan Sijil Kelahiran
7. Surat Akuan Sumpah/ Surat Perintah Mahkamah (jika berkaitan)
8. Salinan Permit Kubur/Sijil Kematian jika pesakit meninggal dunia
9. Bayaran (mengikut jenis permohonan)
10. Borang berkaitan (Insurans,PERKESO,KWSP)